

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUTHARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor seperti yang dinyatakan pada para 4 (i-iv) bagi kerja-kerja berikut : -

No Sebutharga	Tajuk Projek	Kelas	Kepala Sub-Kepala	Tempat Dokumen Dijual	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 4/2016	Cadangan Ubahsuai Dalaman Tingkat Bawah Kedai Pejabat 3 Tingkat Sediada, Metro Avenue, Mukim Kajang Kepada Sebuah Perpustakaan Korporat Untuk Majlis Perbandaran Kajang.	CIDB G1	CE21	Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan	53.00	21 April 2016 Hingga 05 Mei 2016

Tempat dan Tarikh Melapor Diri Bagi Taklimat Lawatan Tapak :

HANYA PENAMA DI DALAM SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) SAHAJA YANG DIBENARKAN MENGHADIRI TAKLIMAT LAWATAN TAPAK

**Dewan Mini Teater Cempaka Telur,
Tingkat 6A, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih, 43000, Kajang, Selangor Darul Ehsan.**

Tarikh : **21 April 2016**

Jam : **8.30** pagi

2. Pemborong yang ingin memasuki sebutharga di atas hendaklah membayar dalam bentuk wang tunai atau wang pos di atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang**.
3. Pemborong yang memasuki sebutharga di atas dinasihatkan membuat lawatan sendiri ke tapak projek bagi memudahkan mengisi kadar harga di dalam dokumen sebutharga yang dibeli.
4. Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada pemborong yang sah sahaja bermula tarikh **21 April 2016** sehingga **05 Mei 2016** Untuk maksud ini pemborong hendaklah membawa **sijil pendaftaran asal** seperti berikut :-
- i) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK),**

- ii) **Sijil Taraf Bumiputera (STB),**
- iii) **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB),**
- iv) **Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**
** Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.*

5. Hanya **PENAMA** di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) SAHAJA yang dibenarkan menghadiri **taklimat dan lawatan tapak.**
6. Hanya **Penama / Wakil** Sahaja yang dibenarkan dalam **urusan pembelian dokumen sebutharga** yang dikeluarkan. (Sila lampirkan surat wakil)
7. Salinan-salinan perakuan dan / atau sijil berkenaan yang boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen sebutharga hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Wang Tunai / Bank Draf / Wang Pos / Kiriman Wang Pos sahaja atas nama Yang DiPertua.
8. Dokumen sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **pada** atau **sebelum 05 Mei 2016** jam **12.00 tengahari.**
9. Majlis Perbandaran Kajang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun mana-mana tawaran.

**Bahagian Bekalan Dan Perolehan,
Jabatan Khidmat Pengurusan,
b.p Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kajang,
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang.**